

## KETAHANAN MANGSA BENCANA DALAM MENGHADAPI BANJIR DI KAMPUNG AIR PUTIH, TERENGGANU

(RESILIENCE OF DISASTER VICTIMS IN FACING FLOODS IN KAMPUNG AIR PUTIH, TERENGGANU)

KIRIN, A.<sup>1\*</sup> – ANI, F.<sup>1</sup> – ISMAIL, F. H.<sup>2</sup> – AHYANI, H.<sup>3</sup> – BABA, R.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> *Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.*

<sup>3</sup> *Institut Miftahul Huda al-Azhar, Jawa Barat, Indonesia.*

<sup>4</sup> *Persada Electrical & Engineering Work Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: arwansyah[at]uthm.edu.my*

(Received 10<sup>th</sup> September 2025; revised 25<sup>th</sup> November 2025; accepted 02<sup>nd</sup> December 2025)

**Abstrak.** Banjir merupakan suatu bencana alam yang memberi impak negatif kepada mangsa bencana sama ada aspek fizikal mahupun mental. Peristiwa banjir 2022 yang berlaku di Kampung Air Putih, Kemaman, Terengganu tercatat sebagai bencana yang paling dahsyat selepas kejadian tahun 2013 di kawasan tersebut. Namun begitu tidak semua mangsa bencana memiliki daya tahan (resilience) semasa menghadapi bencana mahupun selepasnya. Oleh itu, kajian ini mencuba meneroka kepada tahanan (resilience) mangsa pasca bencana banjir di Kampung Air Putih Kemaman, Terengganu. Kajian ini telah dijalankan pada September 2023. Kajian ini dilakukan menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu pengumpulan data melalui kaedah temubual. Sejumlah 20 orang informan telah ditemubual menggunakan protokol temubual yang dibentuk berdasarkan teori dan kajian lepas. Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati elemen resilience yang dimiliki oleh mangsa bencana pada tahap yang cukup tinggi kerana telah terbiasa dengan keadaan banjir sehingga mereka telah kalis dengan peristiwa berlaku. Namun terdapat juga segelintir yang rendah memandangkan keadaan tersebut sentiasa berulang dan terlalu penat dengan keadaan. Kajian ini boleh dijadikan panduan bagi kerajaan tempatan dalam mengukuhkan polisi berkaitan dengan kepentingan daya tahan (resilience) bagi menghadapi banjir besar di masa hadapan.

**Katakunci:** *banjir, daya tahan (resilience), Kampung Air Putih Kemaman, Terengganu*

**Abstract.** Floods are natural disasters that negatively affect victims both physically and mentally. The 2022 flood in Kampung Air Putih, Kemaman, Terengganu was recorded as the most severe disaster after the 2013 incident in the same area. However, not all disaster victims possess resilience when facing the disaster or in its aftermath. Therefore, this study attempts to explore the resilience of post-disaster flood victims in Kampung Air Putih, Kemaman, Terengganu. This study was conducted in September 2023. A qualitative research design was employed, in which data were collected through interviews. A total of 20 informants were interviewed using an interview protocol developed based on theories and previous studies. The data were analysed using thematic analysis. The findings indicate that the resilience elements possessed by the disaster victims were generally high, as they were accustomed to flood conditions to the extent that they had become resistant to such events. However, there were also a minority with low resilience due to the recurring nature of the floods and the exhaustion caused by the situation. This study may serve as a guide for local authorities in strengthening policies related to the importance of resilience in facing major floods in the future.

**Keywords:** *flood, resilience, Kampung Air Putih Kemaman, Terengganu*

## Pengenalan

Bencana ditakrifkan sebagai insiden yang berlaku secara tiba-tiba, bersifat kompleks, mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda atau alam sekitar serta menjejaskan aktiviti harian masyarakat setempat. Pengurusan bencana memerlukan pengendalian sumber, peralatan dan penyelarasan tenaga kerja daripada pelbagai agensi yang berkesan dalam tempoh yang agak lama. Ini kerana kejadian bencana mendatangkan kesan dari segi fizikal dan psikologi traumatik jangka panjang dalam kalangan mangsa (Akhir, 2020; Mustaffa et al., 2018). Kesihatan mental mangsa sangat terganggu akibat bencana sedangkan penjagaan mental sama pentingnya dengan penjagaan fisik walaupun masih ada sebahagian orang yang menganggap masalah ini perkara biasa, oleh itu penting untuk memperdalam pengetahuan kita tentang masalah ini agar kesihatan tetap stabil (Zubairi dan Badzis, 2025). Daya tahan (resilience) pula menurut (Garmezy, 1991) adalah keberhasilan seseorang beradaptasi dengan keadaan yang buruk atau tidak menyenangkan. Resilience juga didefinisikan sebagai proses dari hasil adaptasi dengan pengalaman hidup yang sulit terutama melalui mental, emosi dan perilaku yang fleksibel baik penyesuaian eksternal dan internal (Sylvia, 2015). Melalui penelitian yang dilakukan oleh Steve dan Marie (2014) individu yang resiliencenya tinggi akan menampilkan kemampuan dalam dirinya meliputi intelektual yang baik dan kemampuan menyelesaikan masalah, optimis, mempunyai nilai peribadi yang baik serta memiliki sifat yang tenang yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan sekeliling. Diantara bencana alam yang pernah menimpa rakyat Malaysia adalah banjir besar yang pernah melanda negeri Terengganu di Kawasan Air Putih, Kemaman pada tahun 2013 & 2022 yang menyaksikan kemusnahan harta benda dan rumah kediaman mangsa. Dalam peristiwa berkenaan, menurut Ringkasan Banjir Negeri Terengganu Tahun 2022/2023 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu merekodkan kejadian banjir monsun di negeri tersebut mengalami 3 fasa melibatkan semua daerah dengan beberapa kejadian hujan lebat. Hujan lebat yang ekstrem telah direkodkan pada 18 Disember 2022 di mana hujan yang turun mula membanjiri kawasan di seluruh daerah. Kejadian banjir yang berlaku di kawasan Air Putih, Kemaman ini berlaku selama 5 hari bermula pada 19 Disember 2022. Kawasan yang terlibat pula termasuk Bandar Baru Bukit Mentok dan Taman Desa Solehah dengan kedalaman banjir sebanyak 0.2-1.0m. Menurut maklumat daripada Jabatan Kebajikan Negeri Terengganu, jumlah perpindahan mangsa banjir telah melibatkan sebanyak 1711 orang daripada 463 buah keluarga. Hujan lebat yang berterusan dan air larian dari upstream telah mula membanjiri kawasan rendah di downstream seterusnya membanjiri kawasan kampung (JPS Negeri Terengganu, 2022). Punca utama permasalahan banjir di Air Putih, Kemaman, adalah disebabkan oleh hujan lebat luar biasa yang menyebabkan kepala air di Jeram Air Putih. Pada 4 Julai 2023, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) merekodkan taburan hujan sebanyak 106.5 milimeter (mm) dalam tempoh singkat yang tidak seperti kelaziman kadar bacaan hujan yang dicatat di daerah Kemaman sebelum ini. Fenomena ini semakin buruk dengan gabungan arus daripada dua sungai serta keadaan topografi yang menyebabkan pembentukan aliran air yang sangat deras. Selain itu, fenomena air pasang besar yang disusuli air yang turun dari hulu juga menyebabkan limpahan air sungai ke beberapa kawasan kampung di daerah Kemaman.

Banjir merupakan satu ancaman bencana utama di Malaysia. Kebanyakan mangsa banjir yang menetap di dataran banjir mempunyai cabaran yang tinggi dalam menghadapi banjir kerana kurang pengetahuan dan langkah pencegahan menghadapi risiko banjir (Brouwer et al., 2007). Kebanyakan mangsa banjir yang terjejas tidak mahu

berpindah dengan lebih awal ke tempat yang selamat menyebabkan mereka terancam kepada banjir. Selain itu, nilai budaya dan emosi individu yang tidak dapat mengenal pasti siapa yang terancam (Douglas dan Wildavsky, 1982). Kesanggupan dan kesediaan menghadapi banjir banyak bergantung kepada budaya sesebuah masyarakat. Selain itu, kebanyakan mangsa banjir menerima musibah banjir sebagai kejadian alam dan takdir daripada Tuhan. Dibuktikan dari kajian Qasim et al. (2016), komuniti di Pakistan percaya bencana banjir datang dari Tuhan dan timbul kesulitan untuk mengadakan seminar persediaan menghadapi banjir. Hal yang serupa juga diketahui daripada hasil temu bual dengan masyarakat Kampung Air Putih Kemaman yang menyatakan mereka telah kalis dengan bencana banjir tiap tahun berulang. Oleh itu, ancaman banjir tidak dapat dielakkan tetapi boleh diminimumkan dengan meningkatkan aspek daya tahan (resilience) kepada mangsa banjir. Walaupun teknologi dicipta untuk mengekang risiko banjir tetapi jika elemen daya tahan individu dan masyarakat tidak dititikberatkan maka dapat membawa kepada ancaman yang mendukacitakan. Kebanyakan kajian banjir yang dijalankan di Malaysia lebih tertumpu pada masalah yang di hadapi oleh mangsa banjir (Akhir et al., 2017), bantuan banjir dan rangkaian sosial (Chan et al., 2019), serta pengurusan dan strategi pengawalan banjir. Kajian berkaitan dengan daya ketahanan (resilience) masyarakat untuk mengurangkan risiko banjir adalah sangat terhad, terutamanya di pantai timur Semenanjung Malaysia.

Chong et al. (2018), di antara penyelidik Malaysia yang mengkaji daya tahan masyarakat secara menyeluruh dengan memberi penekanan kepada indikator ekonomi, manakala sosial dan budaya dalam konteks modal komuniti pernah dikaji oleh Zal (2018), selain itu Anua dan Chan (2020) mengkaji usaha komuniti dalam meningkatkan daya tahan selepas peristiwa banjir. Daya tahan (resilience) dan keterancaman (vulnerability) adalah dua elemen yang digunakan untuk mengukur tahap ketahanan, penyesuaian dan trauma masyarakat dalam konteks bencana alam. Dalam konteks sistem sosio-ekologi, daya tahan merujuk kepada magnitud kecelaruan atau gangguan yang dapat diserap sebelum berlaku perubahan dalam sesuatu malapetaka dan juga kapasiti untuk menguruskan situasi yang mencemaskan lalu beradaptasi terhadap sesuatu keadaan terutamanya dalam risiko bencana (Folke, 2006; Berkes et al., 2003; Carpenter et al., 2001). Istilah resilience pertama kali diperkenalkan oleh Redl tahun 1969 yang digunakan untuk menggambarkan bahagian positif dari perbezaan individu dalam respons seseorang terhadap stres dan keadaan merugikan lainnya (Wahidah, 2020). Secara umum resilience ditandai dengan beberapa karakter iaitu adanya kemampuan dalam menghadapi kesulitan, ketangguhan menghadapi stres ataupun bangkit daripada trauma yang dialami. Selain itu, para ahli mempunyai beberapa pendapat dalam menjelaskan daya tahan (resilience) mentakrifkan bahawa resilience adalah kemampuan individu untuk bertindakbalas positif dan produktif ketika berhadapan dengan adversity (kondisi yang tidak menyenangkan) atau trauma, dimana hal tersebut sangat penting untuk mengendalikan tekanan hidup seseorang sehari-hari. Kajian lepas pula mentakrifkan resilience sebagai kemampuan untuk bertahan dan beradaptasi, serta kapasiti manusia untuk memecahkan masalah setelah mengalami kesengsaraan (Hendriani, 2018). Hendriani (2018) pula mendefinisikan resilience sebagai kemampuan untuk mempertahankan diri dan beradaptasi dari kesusahan hidup.

Dalam Islam, resilience diistilahkan dengan kesabaran atau tabah menghadapi cubaan yang membawa maksud kemampuan seseorang untuk menahan diri daripada kesulitan, tidak menyenangkan ataupun musibah. Hal ini dijelaskan dalam al-Qur'an surah al-Baqarah: 155-156 bermaksud: "Demi sesungguhnya, kami akan menguji kamu

dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh), dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah kabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan mereka berkata: sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali”.

Hamka menjelaskan dalam tafsir al-Azhar bahawa ayat ini memerintahkan kita untuk bersabar, kerana setiap manusia yang hidup di dunia pasti akan mengalami ujian dan cubaan (Hamka, 1982). Maka daripada itu, orang yang sabar dan tabah merupakan salah satu karakter memiliki memiliki daya tahan (resilience). Islam juga berpandangan bahawa resilience adalah bertindak efektif dengan ucapan baik, mengelola diri dan menahan diri serta memiliki keyakinan bahawa ia dapat melaluinya dengan ikhlas serta bangkit semula menuju perubahan yang lebih baik (Mahmud dan Azizah, 2020). Daripada beberapa definisi di atas dapat disimpulkan bahawa resilience merupakan kemampuan seseorang, kelompok mahupun masyarakat dalam menghadapi kesulitan yang merugikan lalu bangkit semula kepada kehidupan yang lebih baik dan berkembang menjadi pribadi yang memiliki energi serta emosi yang positif. Manakala, keterancaman lebih membawa kepada terma negatif iaitu kapasiti yang melukakan, kemerosotan, kecelaruan dan ancaman iaitu sesebuah kumpulan atau individu yang tidak dapat bertahan dan beradaptasi dan rentan kepada risiko bencana. Aspek daya tahan masyarakat adalah satu idea yang diperkenalkan beberapa dekad terkini untuk mengenal pasti kekuatan dan keterancaman mereka terhadap bencana alam seperti banjir, siklon dan kebakaran (Cutter et al., 2008; Donoghue dan Sturtevant, 2007). Daya tahan (resilience) menunjukkan tahap tindak balas masyarakat terhadap risiko bencana, melawan, bangkit, bertahan dan penyesuaian terhadap sesuatu situasi (Cutter et al., 2008). Selain itu, masyarakat yang berdaya tahan juga mencerminkan kualiti (individu, kumpulan, masyarakat) yang bertahan, beradaptasi dan pulih dari bencana dengan cepat (Bushnell dan Cottrell, 2007; Coles dan Buckle, 2004). Daya tahan masyarakat merujuk kepada individu, kumpulan, isi rumah, komuniti, negeri, negara dari segi kapasiti mereka untuk menyesuaikan diri, menjangka, memulih, menentang impak bahaya dan bencana. Dalam konteks kajian ini, adalah untuk meneroka sejauh mana daya tahan (resilience) masyarakat di Kampung Air Putih Kemaman, Terengganu dalam menghadapi banjir pada tahun 2022. Kajian ini menumpukan beberapa aspek resilience menurut kajian terdahulu iaitu Pengendalian emosi (Emotion Regulation), Pengendalian impuls (Impulse Control), Optimisme (Optimism), Analisis penyebab masalah (Causal Analysis), Empati (Empathy), Efikasi diri (Self-efficacy), Pencapaian Aspek Positif (Reaching out) (Hendriani, 2018). Untuk lebih jelasnya dapat dilihat melalui *Jadual 1* di bawah ini:

**Jadual 1. Indikasi resilience pasca bencana banjir.**

| Aspek              | Indikasi   | Pernyataan/keterangan  |
|--------------------|--|--|
| Emotion Regulation | Individu dapat mengatasi perasaan negatifnya dan fokus pada aktiviti harian.   | 1.Tetap tenang jika teringat kejadian bencana banjir di Kg Air Putih, Kemaman, Terengganu.<br>2.Merasa gelisah dan cemas ketika hujan deras turun.<br>3.Mampu mengatasi perasaan gelisah, cemas setelah bencana banjir terjadi.<br>4.Fokus dalam melakukan aktiviti seharian setelah bencana banjir terjadi. |
| Impulse Control    | Individu mampu mengendalikan diri ketika menghadapi situasi dan kondisi sulit. | 1.Mampu mengendalikan emosi ketika marah.<br>2.Setelah bencana banjir, emosi menjadi tak terkendali (seperti mudah marah, takut, dan cemas).<br>3.Bertindak rasional perkara yang harus dilakukan ketika bencana banjir terjadi.<br>4.Fikiran menjadi kacau setelah bencana banjir .                         |

|                 |  |   |
|-----------------|--|---|
| Optimism        | Individu mempunyai prinsip dan keyakinan yang kuat dalam diri ketika menghadapi masalah.   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yakin bahawa dirinya merupakan peribadi yang optimisme, percaya diri dan penuh harapan.</li> <li>2. Tetap semangat menjalani kehidupan seperti biasanya setelah bencana banjir terjadi.</li> <li>3. Tetap tenang walaupun tinggal di daerah yang terdedah dengan bencana banjir.</li> <li>4. Mudah putus asa setelah kejadian bencana banjir berlaku.</li> </ol>                      |
| Causal Analysis | Individu dapat berpikir positif dan mampu mencari penyebab dari permasalahan.  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Yakin bahawa kejadian bencana banjir membawa hikmah disebalik kejadiannya.</li> <li>2. Kejadian banjir terjadi atas kehendak Tuhan.</li> <li>3. Menjadi kurang peka dalam menghadapi masalah, setelah kejadian banjir .</li> </ol>  |
| Empathy         | Individu memiliki rasa empati kepada orang di sekeliling & lingkungannya.  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bencana banjir memberikan kesedaran kepada diri akan pentingnya membantu sesama</li> <li>2. Tidak peduli orang lain menderita.</li> <li>3. Merasakan apa yang dialami orang lain ketika dihadapkan pada dugaan kehidupan .</li> <li>4. Mengabaikan keadaan orang lain setelah bencana banjir berlaku dan lebih mementingkan dirinya sendiri.</li> </ol>                               |
| Self Efficacy   | Individu mempunyai keyakinan pada dirinya mampu melewati masa-masa sulit.  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bangga pada kemampuan diri kerana dapat bangkit daripada kesusahan setelah bencana banjir terjadi.</li> <li>2. Yakin kepada diri untuk tetap teguh dalam menghadapi bencana banjir.</li> <li>3. Setelah bencana banjir terjadi, kehilangan harapan untuk mencapai tujuan hidup.</li> </ol>  |
| Reaching Out    | Individu mampu menghadapi kesulitan dengan mencari hikmah atas kemalangan dan ke mempunyai perencanaan hidup yang lebih baik untuk kedepannya. | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berusaha dalam mencapai impian dan tujuan setelah bencana banjir terjadi.</li> <li>2. Setelah bencana banjir terjadi, berasa tidak yakin untuk mencapai masa depan yang lebih baik.</li> <li>3. Memiliki semangat yang tinggi untuk meraih kehidupan yang lebih baik.</li> <li>4. Kehilangan harapan untuk mencapai tujuan setelah bencana banjir berlaku secara mendadak.</li> </ol> |

Kepentingan kajian ini dapat mengisi lompang kajian sebelumnya yang mana mangsa banjir perlu mempunyai ikhtiar dan ketabahan diri untuk menyelesaikan situasi yang mencemaskan terutamanya bencana banjir dan tidak hanya pasif dan bergantung pada bantuan kerajaan semata-mata untuk pulih selepas banjir. Tetapi juga mampu menjaga kestabilan emosi dan mengendalikn segala perkara yang berkaitan dengan aspek mental semasa menghadapi bencana.

## **Instrumen dan Metod Kajian**

### ***Tatacara pengumpulan data***

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk melakukan pendekatan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek (Denzin dan Lincoln, 1994). Menurut Creswell (1994) penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Secara umumnya, penyelidikan bertujuan untuk meneroka dan memahami sesuatu fenomena dengan mendalam (Merriam, 2009). Melalui kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk fenomenologi untuk mengkaji dan meneroka dengan lebih mendalam berkaitan pengalaman masyarakat yang terdiri daripada mangsa bencana banjir. Reka bentuk fenomenologi adalah satu bentuk kajian yang memahami asas kepada sesuatu pengalaman yang dihadapi oleh seseorang individu. Menurut Moleong (1989) bahawa pengkaji dalam pandangan fenomenologi berusaha memahami erti peristiwa dan perkaitannya terhadap orang-orang yang berada dalam situasi-situasi tertentu. Kajian ini

tertumpu kepada hasil dapatan daripada temu bual. Kajian ini amat penting bagi memahami serta menelusuri sesuatu permasalahan atau isu dengan lebih mendalam (Creswell, 2005). Temu bual dalam kajian kualitatif diakui mempunyai banyak kelebihan dari segi kedalaman kajian yang dikaji (Merriam, 2009). Kebanyakan kaedah dalam kajian yang berbentuk kualitatif ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini merupakan salah satu usaha bagi mendapatkan maklumat langsung daripada informan berkenaan pengalaman mereka dalam menghadapi bencana (musibah) banjir. Selain itu, kaedah temu bual ini juga mampu dirujuk sebagai triangulasi yang bertujuan untuk mengesahkan data atau maklumat yang diperolehi. Kebenaran untuk menjalankan kajian terhadap mangsa benjana banjir ini dimohon melalui ketua kampung Air Putih Kemaman, Terengganu. Setelah diluluskan, penetapan tarikh pengumpulan data dan tempoh pengumpulan data dilaksanakan oleh penyelidik. Pengkaji terlebih dahulu mendapatkan persetujuan termaklum daripada masyarakat yang terkena musibah banjir bagi kebenaran mengumpul data kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual mendalam. Temu bual dijalankan setelah informan bersetuju untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan berkenaan pengalaman musibah banjir. Pengkaji telah menerangkan dengan jelas berkenaan sesi temu bual yang dijalankan serta etika yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak termasuk kerahsiaan maklumat yang bakal diberikan oleh informan. Informan juga telah dimaklumkan berkenaan rakaman yang akan dibuat sepanjang sesi temu bual berlangsung dan persetujuan harus dipenuhi oleh responden sebelum sesi temu bual dijalankan. Pengkaji tidak menetapkan sebarang had masa bagi sesi temu bual yang dijalankan. Selanjutnya, semasa temu bual berlangsung, pengkaji terlebih dahulu akan menerangkan fokus kajian yang ingin dijalankan supaya informan lebih memahami dan mampu menjawab soalan-soalan selari dengan apa yang diinginkan oleh kajian. Temu bual telah dirakam dan data tersebut dianalisis untuk difahami dengan lebih mendalam. Protokol-protokol kajian yang ditetapkan dipatuhi sepanjang sesi temu bual dijalankan. Kajian ini dijalankan di kawasan kampung Air Putih Kemaman, Terengganu.

### *Analisis data*

Dalam kertas kerja ini, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis tematik bagi menganalisis data. Hal ini kerana Braun dan Clarke (2006) berpandangan bahawa analisis tematik adalah analisis asas yang merupakan kaedah yang fleksibel dalam membuat analisis data. Analisis tematik adalah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak atau tema yang mendalam dalam sesuatu data. Pendekatan tematik ialah proses yang digunakan dalam memproses maklumat yang bersifat kualitatif yang bertujuan untuk memahami sesuatu fenomena. Data dianalisis menggunakan teknik verbatim bagi menghasilkan transkripsi temu bual yang sebenar sebelum analisis data dilakukan dengan lebih lanjut. Hal ini kerana setiap informan berbeza-beza kemampuan memberikan makna dan jawapan daripada soalan yang dikemukakan. Setiap transkrip yang telah lengkap akan disemak terlebih dahulu sebelum pengkaji membahagikan transkrip tersebut kepada tema-tema tertentu berdasarkan analisis tematik hasil daripada temu bual. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data berlaku. Tahap ketepuan data adalah keadaan di mana tidak terdapat tema baru muncul dan teori yang dihasilkan dari data yang diperolehi adalah sama. Apabila data didapati telah tepu, pengkaji menamatkan proses mengumpul data (Glesne, 1999).

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

### *Data profil informan*

Sejumlah 20 orang informan terlibat dalam temubual yang dilakukan untuk meninjau dengan lebih mendalam kedaya tahanan (resilience) mangsa semasa menghadapi musibah banjir. *Jadual 2* menunjukkan aspek demografi informan kajian. Dari segi profil informan, seramai 6 orang adalah lelaki dan 14 orang informan perempuan. Kesemua informan berbangsa Melayu, beragama Islam dan telah mengalami bencana banjir beberapa kali. Majoriti informan lelaki bekerja sendiri manakala wanita merupakan surirumah. Dari segi pendapatan, rata-ratanya berpendapatan kurang dari RM1000.00 sebulan dan tahap pendidikan pulak hanya sebatas sekolah rendah.

*Jadual 2. Demografi informan.*

| R  | Jantina   | Umur | Bangsa | Pekerjaan     |
|----|-----------|------|--------|---------------|
| 1  | Perempuan | 48   | Melayu | Surirumah     |
| 2  | Lelaki    | 52   | Melayu | Driver Lori   |
| 3  | Lelaki    | 65   | Melayu | Kerja kampung |
| 4  | Perempuan | 55   | Melayu | Surirumah     |
| 5  | Perempuan | 71   | Melayu | Surirumah     |
| 6  | Perempuan | 24   | Melayu | Surirumah     |
| 7  | Perempuan | 70   | Melayu | Surirumah     |
| 8  | Lelaki    | 50   | Melayu | Kerja kampung |
| 9  | Perempuan | 53   | Melayu | Kerja kampung |
| 10 | Perempuan | 81   | Melayu | Pencen        |
| 11 | Perempuan | 59   | Melayu | Surirumah     |
| 12 | Perempuan | 21   | Melayu | Kerani        |
| 13 | Perempuan | 63   | Melayu | Surirumah     |
| 14 | Perempuan | 28   | Melayu | Kerani        |
| 15 | Perempuan | 61   | Melayu | Pencen        |
| 16 | Lelaki    | 27   | Melayu | Kerani        |
| 17 | Lelaki    | 39   | Melayu | Usahawan      |
| 18 | Perempuan | 39   | Melayu | Surirumah     |
| 19 | Lelaki    | 71   | Melayu | Kerja kampung |
| 20 | Perempuan | 65   | Melayu | Pencen        |

### *Daya tahan (Resilience) mangsa bencana banjir di Kampung Air Putih, Kemaman, Terengganu*

#### *Aspek pengendalian emosi (emotion regulation)*

Berdasarkan aspek pengendalian emosi (Emotion Regulation) yang dialami oleh mangsa banjir dimana istilah "regulasi emosi" merujuk kepada keupayaan seseorang untuk mengawal dan menanggapi emosi mereka dengan berkesan serta tetap tenang dalam kondisi yang penuh tekanan (Rolston dan Llyod-Richardson, 2025).

*“Ya, ada rasa stres tetapi trauma tak ada lah. Rasa nak marah saja disebabkan letih tapi dibawa sabar jer la. Marah kepada semua anak-anak kami yang tak balik. Berada di dewan itu memang tak boleh tidur kerana memikirkan rumah yang dinaiki air. Ya, rasa takut, setiap kali hujan, rasa serabut melihatnya. Apabilan bulan 11 saja air naik, barang-barang telah siap disimpan. Itu pun penuh barang di para, semuanya ada 3.”*

(Informan 4)

*“Yalah, minta dijauhkan, doa saja supaya rumah tidak dinaiki air. Saya fikir semuanya, kawasan sini, orang-orang lain, rumah saya, anak saya, rumah orang lain dan banyaklah. Berdoa dan berzikir sajalah. Tetapi, alhamdulillah, tiada sesiapa yang lemas disini. Masih belum pernah dengar setiap kali banjir, ada orang lemas di Air Putih. Meninggal juga tiada. Semua telah kalis dengan banjir. Semasa berdoa itu memang ada rasa tenang semasa banjir.*

(Informan 12).

Mengikut hasil temu bual, pengkaji mendapati majoriti mangsa banjir tersebut mampu mengawal emosi secara tidak sedar untuk menangani situasi yang sukar dan sulit berlaku terutama masa kejadian banjir. Perkara ini disokong oleh Pakar Perunding Psikiatri & Pengarah Pusat Kecemerlangan Klinikal MSU, Profesor Dr Muhammad Najib Mohamad Alwi yang menyatakan bahawa tahap kesiapsiagaan bencana adalah penting untuk memastikan seseorang mempunyai daya tahan mental dan emosi yang stabil semasa menghadapi bencana kerana reaksi kejiwaan seseorang terhadap musibah yang melampaui banyak bergantung pada tahap ketegangan jiwa dan emosi.

#### ***Aspek pengendalian impuls (impulse control)***

Pengendalian impuls (Impulse Control) membawa maksud kemampuan atau ketidakupayaan seseorang untuk mengawal keinginan mereka yang boleh membawa kepada kerosakan kepada diri sendiri mahupun orang lain. Hal ini dapat kita lihat daripada hasil temu bual di bawah ini:

*“Pada waktu itu, hujan lebat dan masa itu juga waktu malam, kami terus berpindah. Air sungai tiba-tiba naik tinggi, kami terus berpindah. Air masuk ke dalam rumah dan barang-barang tidak rosak kerana sudah membuat persediaan awal, semuanya telah disimpan terlebih dahulu. Tetapi, itu hanya banjir kecil. Di dalam rumah ini, hanya tiga beranak sahaja yang terlibat, suami, saya dan anak berumur sembilan tahun. Perasaan saya masa itu, tak tahu apa, hanya fikir air naik terus lari saja. Hanya bawa barang yang perlu saja. Perasaan marah itu tiada, hanya takut saja kerana memang telah biasa kalau air naik.”*

( Informan 1)

*“Datang dengan cepat, kalau ikutkan, semasa sedang berkemas itu, sekejap saja air naik. Hadapan tangga dah tidak boleh turun dah, air sudah penuh di situ. Ya, tahun 2022, air cepat naik dan turun tetapi dalam 2 hari juga naik turunnya. Ia berlaku pada waktu siang, yang berlaku malam tu pada 2013. Jadi, semasa menghala pergi ke pekan, jambatan itu masih boleh dilalui tetapi menghala balik, orang lain beritahu perlu mengharung dah. Dah, nak kemas semula barang pun, banjir datang balik. Ramai, pergi ke dewan sana tu. Oouh, tak ingat la ramai mana. Penuh sehingga tidak muat, bos. 2 buah dewan pun masih separuh yang berada di luar. Perasaan memang takut disebabkan air yang datang deras.”*

(Informan 3)

Daripada temu bual yang dibuat, majoriti mangsa mengalami tekanan yang berat dan kemampuan untuk mengontrol diri pun tidak dapat dinafikan. Hal ini disokong oleh

Wakuma Abaya et al. (2009) yang menyatakan bahawa mangsa yang mengalami kemusnahan akan mengalami tekanan yang berterusan dan sedikit sahaja yang dapat mencapai tahap kesejahteraan psikologi yang baik. Terdapat bukti kajian tambahan yang menunjukkan bahawa tekanan emosi yang disebabkan oleh kehilangan atau kemusnahan sumber berharga adalah punca gangguan untuk meneruskan hidup (O'Neill et al., 1999). Mangsa akan mengalami tekanan yang lebih tinggi apabila sumber kehidupan dan pendapatan mereka rosak. Oleh itu perlu bimbingan psikososial dan spritual untuk menangani musibah terutama yang trauma akibat kejadian, kata bekas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Rina Mohd Harun.

### ***Aspek optimis (optimism)***

Optimis (Optimism) merupakan sikap yang menunjukkan kepercayaan atau harapan bahawa hasil usaha tertentu atau hasil suatu perkara secara amnya akan bersifat positif, baik dan membantu seseorang mencapai matlamat hidup mereka. Hal ini dapat dilihat daripada hasil temua bual dengan mangsa banjir di Kampung Air putih Kemaman.

*“Walaupun dah biasa dengan banjir ni, kita tetap yakin dan semangat menjalani kehidupan seperti biasanya, kalau tak nanti tak makanlah anak bini, he he he. Tetap tenang walaupun tinggal di daerah yang terdedah dengan bencana banjir. Mudah putus asa pun Allah tak suka kan.”*

(Informan 2)

*“Hujan lebat lah dan ketika itu waktu malam. Kemudian, air sungai naik menjadi tinggi dan saya terus berpindah. Air banjir itu masuk ke dalam rumah lah. Tetapi, barang-barang saya tidak rosak kerana telah dialihkan ke kawasan yang tinggi. Saya, 3 sekeluargalah yang terlibat. Memang dah tak tahu lah nak buat apa, hanya pasrah sajalah. Saya memang takut ketika itu, tetapi kita tetap optimis jalani semua bahawa Allah tak kan sia-siakan hamba-Nya selagi kita memintak pada-Nya”*

(Informan 14)

Daripada hasil temu bual menunjukkan bahawa perasaan sedih dan trauma yang dialami oleh informan telah diatasi dengan rasa percaya diri dan bersyukur demi hari-hari yang mendatang setelah mengharungi ujian yang mereka hadapi semasa banjir. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara aspek kepercayaan diri dan kesejahteraan jiwa seseorang secara keseluruhan. Semakin kuat kepercayaan diri seseorang maka semakin sejahtera aspek kejiwaannya. Ketika krisis berlaku, orang yang percaya pada orang lain akan menjadi lebih bergantung dan kesejahteraan dirinya menurun begitu pula sebaliknya.

### ***Aspek analisis sebab masalah (causal analysis)***

Analisis sebab masalah (Causal Analysis) juga dikenali sebagai analisis kausatif bermaksud menyelidiki sebab yang bertujuan untuk mencari punca masalah tetapi ianya perlu diingat bahawa punca masalah ini berbeza daripada punca gejala. Sebagai contoh perasaan yang berkaitan dengan aspek tersebut dapat dilihat daripada hasil temu bual di bawah.

*“Saya minta dengan Allah, minta selamat lah. Banjir ini memang ujian daripada-Nya untuk menguji kesabaran kita. Bagi mak cik, ia ibaratkan seperti membayar hutang kepada Allah kan. Kalau kita sihat, kita banyak berhutang dengan-Nya dan jikalau kita sakit, kitalah yang perlu membayar hutang itu. Ibaratnya seperti itu lah. Bersabar saja, solat itu mestilah. Lagi-lagi kita lah, kurang lah imannya, kita tetap solatkan, kitakan orang Islam. Tak boleh marah hanya tenang saja kerana kita perlu ingat kepada Allah kan. Banjir ini Allah yang turunkan, semuanya datang daripada-Nya. Segala musibah telah diaturkan oleh-Nya. Mati atau hidup, semuanya ditetapkan oleh Allah, kita tidak mengetahui kehendaknya.”*

(Informan 13)

*“Tak ada perasaan cemas dan stres sebab ini memang dah kehendak Allah SWT. Hanya berfikir dan rasa serabut lah lihat rumah berterabur. Serabut lah juga sebab simpan sikit-sikit saja. Risau itu adalah, takut dalam lagi, bimbang semuanya. Lepas surut tu barulah saya balik lihat rumah. Dalam tempoh seminggu juga untuk bersih rumah. Buang selut dalam rumah separas ini. Apabila air surut, memang penuh dengan selut. Itu lah sebab buat lantai semen ini untuk elakkan daripada lopak air, anak yang buat. Kalau tidak, banjir ini kumpul disitulah selutnya bertambah. Dipenuhi selut dalam rumah sukar untuk dikeluarkan. Kalau di atas rumah, lantai boleh cabut untuk membersihkan selut itu. Di dapur, tak boleh lah sebab telah disemen. Selut itu memang mudahlah basuh guna air atas semen.”*

(Informan 7)

Daripada temu bual yang dibuat dapat digambarkan bahawa perasaan sedih dan trauma yang dialami oleh mangsa banjir Kampung Air Putih Kemaman, Terengganu telah diatasi dengan rasa berterima kasih dan bersyukur. Majoriti mangsa banjir redha dengan ujian yang mereka lalui. Ryff dan Singer (2008) menyatakan bahawa individu yang mempunyai keredhaan yang tinggi dan kesejahteraan jiwa adalah mereka yang berpuas hati dengan kehidupan mereka, mempunyai emosi yang positif, mampu bertahan dalam situasi buruk, mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain, mempunyai keupayaan untuk memperbaiki diri sendiri, dan mampu membuat keputusan tentang nasib mereka sendiri tanpa bergantung pada orang lain.

### ***Aspek empati (empathy)***

Empathy menunjukkan keadaan mental (kognitif) yang menyebabkan seseorang merasa atau menghubungkan dirinya dengan keadaan fikiran atau perasaan yang sama dengan orang lain, dalam ertian kemampuan seseorang untuk dapat merasakan kondisi psikologi dan emosi orang lain.. Perasaan Empathy ini dapat digambarkan melalui jawapan temu bual bersama mangsa banjir berikut:

*“Terhadap diri sendiri, saya biasalah berdoa selepas solat, kadang-kala berzikir dalam hati dan beristighfar untuk tenangkan diri, itu sajalah. Kalau orang lain, saya adalah rasa nak bantu tetapi saya sendiri pun ada perkara yang perlu dibuat. Seperti baru-baru ini, saya merupakan salah seorang bertugas di PPS, saya cubalah untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini sehabis baik. Bertenang sajalah, lihat kepada situasi keseluruhan itu memang seperti itu lah. Penduduk di sini dah sering kali merasai banjirkan.”*

(Informan 18)

*“Banjir baru-baru ini? Ye lah, yang ini lah. Baru-baru ini memang ada lah, tapi tak ingatlah berapa haribulan. Macam saya, sibuklah simpan-simpan barang lagi, anak yang dalam keadaan seperti ini lagi. Memang tak terfikirilah pasal banjir ini, hanya selamatkan nyawa saja, dan tak terfikir juga untuk bantu orang lain, sebab semua orang sibuk menyelamatkan diri masing-masing, tetapi banjir ni buat saya sedar untuk saling menolong dalam keadaan bencana ni, kalau ikutkan diri seorang tak larat jugak.”*

(Informan 19)

Perkara ini menunjukkan bahawa menurut Teori Modal Insan tahap sokongan sosial, kepercayaan kepada orang lain, dan timbal balik dalam hubungan dengan orang lain memainkan peranan penting dalam kesejahteraan peribadi dan mental. Selain itu, kehadiran empati dianggap sama penting apabila mempertimbangkan sokongan sosial yang diterima daripada sumber yang berbeza seperti kanak-kanak, jiran dan ketua masyarakat atau pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab (Lazim dan Yusof, 2012). Tambahan pula, dapat dilihat daripada perkongsian status di media sosial Facebook yang dimuat naik oleh Ustazah Asma' Harun, seorang pendakwah terkenal, yang meminta semua orang menyembunyikan cerita gembira dahulu untuk bersimpati dengan penderitaan mangsa banjir. Perkara yang dikongsikan oleh beliau adalah “Dalam masa ramai saudara kita sedang berduka, simpanlah dahulu kisah bahagia dan gembira kita. Saat musibah besar melanda, jagalah adab ketika mereka diuji, kerana kita juga diuji. Bukan iri hati, tapi saling mengingati dan memahami” (Yatim, 2021).

#### **Aspek efikasi diri (self efficacy)**

Efikasi Diri (Self Efficacy) iaitu keupayaan seseorang untuk memecahkan masalah atau melakukan sesuatu tindakan dalam keadaan tertentu yang menunjukkan bahawa mereka yakin untuk mencapai matlamat atau kejayaan dalam kehidupan. Hal ini dapat dilihat daripada hasil temu bual di bawah ini.

*“Tiada lah kecuali seperti tilam-tilam yang tidak dapat diangkat, dibiarkan saja. Pada tahun 2013, tilam itu tidak tenggelam tetapi pada 2014 atau 2015 barulah tenggelam. Pada 2013, tiada yang meninggal. Dapat menyelamatkan diri lebih awal. Semasa saya ingin berpindah, air pada paras ini. Bimbang lah juga terhadap rumah itu. Tiada dipresi atau trauma pun disebabkan setiap tahun berlaku. Dah kalis dan kuatkan saja jiwa menghadapinya.”*

(Informan 10)

*“Nak marah sebab badan letih. Marah kepada anak-anak yang mana tidak balik. Tidak terlelap manalah, memikirkan masa depan, esok lagi, lusa lagi kalau hujan ada lagi. Kawasan ini ada orang tolong bersihkan. Apabila jambatan ini tenggelam, dah tak lagi menyimpan barang-barang lagi dah, hati rasa serabut dah. Takut banjir datang lagi. Mula saja bulan 10 atau bulan 11, hadi dah berasa gelisah.”*

(Informan 3)

Daripada pernyataan temu bual di atas dapat ditemui bahawa kebanyakan informan menunjukkan ciri kecekapan sendiri seperti optimistik dan bermotivasi untuk menyelesaikan masalah walaupun hidup dalam keadaan yang tidak memadai.

Kecekapan ini kadang menjejaskan ketabahan mereka juga untuk segera pulih daripada musibah banjir. Satu kajian menunjukkan bahawa orang yang mahir bermotivasi tinggi, akan mencapai kesejahteraan hidup serta penerimaan yang lebih baik dan mampu melalui peringkat pemulihan diri yang pantas (Bisschop et al., 2004). Pandangan dari Symister dan Friend (2003), bersikap optimistik dapat menghubungkan dengan kemahiran diri yang positif dan secara tidak langsung menstabilkan kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan mental individu.

### ***Aspek positif/hikmah (reaching out)***

Reaching Out adalah kemampuan seseorang dalam mengambil hikmah atau aspek positif daripada musibah yang menimpa hidupnya. Aspek ini menunjukkan keberanian seseorang untuk melihat kesukaran sebagai cabaran, bukan bahaya dan keupayaan seseorang untuk berjaya dalam hidup. Sebagai contoh, pernyataan dari informan yang menyatakan:

*“Disebabkan inilah maak cik berpindah awal. Apabila masuk saja air ke dalam rumah, mak cik dah pindah kecuali anak saja yang datang untuk memeriksa rumah dan lihat keadaan bagaimana. Yang meninggal tiada di sini kerana semua telah berpindah awal. Air yang memasuki rumah ini kedalamannya hampir separuh juga. Sakit sehingga kini masih tiada lagi lah kerana saya dah berpindah awal. Saya berpindah di dewan jadi tak mengharungi banjirlah. Kalau rumah dah dimasuki air, memang dah tak boleh tinggal di sana lah. Perlu berpindah, ini semua ujian Tuhan yang patut bersabar dan kuatkan semangat untuk teruskan hidup, mungkin adalah hikmah yang baik disebalik ni semua”*

(Informan 15)

*“Barang-barang memang tak perlu ceritalah masa banjir itu. Barang-barang saja lah, mak cik dalam keadan seperti ini nak cari macam mana barang, pekerjaan tiada, ibu tunggal lagi. Nak ganti semula itu, barang keperluan seperti mesin basuh dan peti sejuk. Kalau dah tenggelam, memang rosak, nak beli yang baru pula, bagaimana nak cari duitnya. Kadang-kadang, tunggu bantuan yang orang sumbang, macam itu lah, nak beli balik barang memang susah lah. Kita memang tak baik mengeluh ni, tetapi kadang terasa jugaklah, walaubagaimanapun kita ambik ja la hikmah positif disebalik musibah ni”*

(Informan 11)

Daripada temu bual di atas menunjukkan bahawa strategi bertindak yang dilakukan oleh mangsa bencana banjir di Kg Air Putih Kemaman Terengganu sama ada secara mental (kognitif) atau perilaku cukup bagus. Ini bertujuan untuk mengurangkan atau menghapuskan keadaan stres yang berpunca daripada interaksi mangsa dengan persekitaran mereka. Oleh itu, pandangan menyatakan bahawa rasa tanggungjawab sosial merupakan peranan penting dalam usaha untuk memperbaiki komuniti terutamanya selepas tragedi. Selain itu, tingkah laku berorientasikan sosial (penyertaan) dan rasa kepunyaan telah berkembang dari dulu hingga sekarang. Selain itu, meningkatnya keupayaan masyarakat untuk bertahan secara bersama dalam menghadapi krisis selepas tragedi sehingga boleh membantu mereka untuk bertahan hidup di masa hadapan amatlah dihargai dan perlu diterapkan (Berkman et al., 2000).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa masyarakat di Kampung Air Putih Kemaman, Terengganu teruk terjejas akibat banjir pada tahun 2022. Responden banyak menyatakan yang mereka tidak menjangkakan banjir 2022 akan berlaku sedemikian kerana kejadian pada tahun sebelumnya tidak seteruk itu. Kemusnahan yang berskala tinggi dengan kehilangan dan kehancuran harta benda menyebabkan mereka tidak dapat bertahan dan bangkit dengan cepat selepas banjir. Hal ini lebih mendukacitakan apabila terpaksa tinggal di dalam PPS (Pusat Pemindahan Sementara) seperti dewan dalam waktu yang cukup lama. Bagi mendapatkan kedaya tahanan mangsa bencana, maka perlu kerjasama dari semua pihak bukan sahaja dari pihak kerajaan tetapi mangsa itu sendiri yang memerlukan perubahan. Hal demikian kerana, bencana banjir terutamanya di kawasan Air Putih Kemaman, Terengganu adalah bencana musiman yang boleh dijangkakan pada penghujung tahun dari segi taburan hujan, paras air, cuaca dan juga tiupan angin. Tidak seperti bencana alam yang lain yang sukar untuk dijangka seperti tsunami dan tanah runtuh. Persediaan dan kapasiti adaptasi masyarakat di kawasan tersebut perlu ditingkatkan kerana budaya masyarakat yang memandang bencana banjir adalah sesuatu yang positif dan mereka tidak tahu bahawa mereka terancam. Dicadangkan perlu ada inisiatif dalam pendidikan bencana di kawasan tersebut untuk melatih masyarakat dalam memahami risiko banjir dan impak daripada bencana tersebut dan juga perlu ada pendidikan tentang elemen resilience terhadap masyarakat agar daya tahan mereka kuat dan kokoh semasa menghadapi bencana.

## Penghargaan

Kajian ini disokong oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui geran TIER 1 (vot Q 403).

## Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- [1] Akhir, N.M. (2020): A review on the psychological issues and psychosocial intervention: Flood disasters in Malaysia. – *International Journal of Psychosocial Rehabilitation* 24(4): 4337-4349.
- [2] Akhir, N.M., Azman, A., Hassan, N., Akhir, N.H. (2017): KAJIAN PENELITIAN MASALAH MANGSA BENCANA BANJIR DISEMBER 2014 DI KELANTAN. – *e-BANGI Journal* 12(3): 14p.
- [3] Anua, N., Chan, N.W. (2020): Community resilience building in the aftermath of flood disaster. – *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences* 89: 501-510.
- [4] Berkes, F., Colding, J., Folke, C. (2003): *Navigating Social-Ecological Systems: Building Resilience For Complexity and Change*. – Cambridge: Cambridge University Press 416p.
- [5] Berkman, L.F., Glass, T., Brissette, I., Seeman, T.E. (2000): From social integration to health: Durkheim in the new millennium. – *Social Science & Medicine* 51(6): 843-857.

- [6] Bisschop, M.I., Kriegsman, D.M., Beekman, A.T., Deeg, D.J. (2004): Chronic diseases and depression: the modifying role of psychosocial resources. – *Social Science & Medicine* 59(4): 721-733.
- [7] Braun, V., Clarke, V. (2006): Using thematic analysis in psychology. – *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77-101.
- [8] Brouwer, R., Akter, S., Brander, L., Haque, E. (2007): Socioeconomic vulnerability and adaptation to environmental risk: a case study of climate change and flooding in Bangladesh. – *Risk Analysis: An International Journal* 27(2): 313-326.
- [9] Bushnell, S., Cottrell, A. (2007): Increasing community resilience to bushfire-implications from a North Queensland community case study. – *Australian Journal of Emergency Management* 22(2): 3-9.
- [10] Carpenter, S., Walker, B., Anderies, J.M., Abel, N. (2001): From metaphor to measurement: resilience of what to what? – *Ecosystems* 4(8): 765-781.
- [11] Chan, N.W., Roy, R., Lai, C.H., Tan, M.L. (2019): Social capital as a vital resource in flood disaster recovery in Malaysia. – *International Journal of Water Resources Development* 20p.
- [12] Chong, N.O., Kamarudin, K.H., Abd Wahid, S.N. (2018): Framework considerations for community resilient towards disaster in Malaysia. – *Procedia Engineering* 212(1): 165-172.
- [13] Creswell, J.W. (2005): *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. – London: Prentice Hall 650p.
- [14] Creswell, J.W. (1994): *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. – Thousand Oaks: Sage Publications 228p.
- [15] Coles, E., Buckle, P. (2004): Developing community resilience as a foundation for effective disaster recovery. – *The Australian Journal of Emergency Management* 19(4): 6-15.
- [16] Cutter, S.L., Barnes, L., Berry, M., Burton, C., Evans, E., Tate, E., Webb, J. (2008): A place-based model for understanding community resilience to natural disasters. – *Global Environmental Change* 18(4): 598-606.
- [17] Denzin, N.K., Lincoln, Y.S. (1994): *Handbook of Qualitative Research*. – Thousand Oaks, CA: SAGE 1210p.
- [18] Donoghue, E.M., Sturtevant, V.E. (2007): Social science constructs in ecosystem assessments: Revisiting community capacity and community resiliency. – *Society & Natural Resources* 20(10): 899-912.
- [19] Douglas, M., Wildavsky, A. (1982): *Risk and Culture: An Essay on the Selection of Technical and Environmental Dangers*. – London: University of California Press 224p.
- [20] Folke, C. (2006): Resilience: The emergence of a perspective for social-ecological systems analyses. – *Global Environmental Change* 16(3): 253-267.
- [21] Garmezy, N. (1991): Resiliency and vulnerability to adverse developmental outcomes associated with poverty. – *American Behavioral Scientist* 34(4): 416-430.
- [22] Glesne, C. (1999): *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction*. – White Plains, NY: Longman 224p.
- [23] Hamka (1982): *Tafsir al- Azhar*. – Jakarta: Pustaka Panji Mas 710p.
- [24] Hendriani, W. (2018): *Resiliensi Psikologis: Sebuah Pengantar*. – Jakarta: Prenada Media Group 208p.
- [25] JPS Negeri Terengganu (2022): *Laporan Banjir Tahunan 2022/2023*. – JPS Negeri Terengganu 163p.
- [26] Lazim, N.M., Yusof, N. (2012): *Universiti, pembangunan modal insan dan penumpuan ruang komuniti berpendidikan tinggi di Malaysia: Suatu ulasan kritis*. – *e-BANGI* 7(2): 308-327.
- [27] Mahmud, S., Azizah, A. (2020): *Perempuan Dan Resiliensi: Potret Korban Gempa Dan Tsunami Di Pandeglang Banten*. – *Gender Equality: International Journal of Child and Gender Studies* 6(2): 1-10.

- [28] Merriam, S.B. (2009): *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation: Revised and Expanded from Qualitative Research Case Study Application in Education.* – San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint 293p.
- [29] Moleong, L.J. (1989): *Metodologi Penelitian Kualitatif.* – Bandung: Remaja Rosdakarya 253p.
- [30] Mustafa, C.S., Ahmad Marzuki, N., Khalid, M.S., Sakdan, M.F.A., Sipon, S. (2018): Understanding Malaysian Malays communication characteristics in reducing psychological impact on flood victims. – *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 34(1): 20-36.
- [31] O'Neill, H.K., Evans, B.A., Bussman, M.D., Strandberg, D.K. (1999): Psychological distress during the Red River flood: Predictive utility of the Conservation of Resources model. – *Applied Behavioral Science Review* 7(2): 159-169.
- [32] Qasim, S., Qasim, M., Shrestha, R.P., Khan, A.N., Tun, K., Ashraf, M. (2016): Community resilience to flood hazards in Khyber Pukhthunkhwa province of Pakistan. – *International Journal of Disaster Risk Reduction* 18: 100-106.
- [33] Rolston, A., Llyod-Richardson, E. (2025): What Is Emotion Regulation and How Do We Do It? – *Cornell Research Program on Self-Injury and Recovery* 5p.
- [34] Ryff, C.D., Singer, B.H. (2008): Know thyself and become what you are: A eudaimonic approach to psychological well-being. – *Journal of Happiness Studies* 9(1): 13-39.
- [35] Steve, B., Marie, C. (2014): *Positive Psychology.* – India: Pearson 360p.
- [36] Sylvia, M. (2015): *APA dictionary of psychology.* – CHOICE: *Current Reviews for Academic Libraries* 53(2): 224-225.
- [37] Symister, P., Friend, R. (2003): The influence of social support and problematic support on optimism and depression in chronic illness: a prospective study evaluating self-esteem as a mediator. – *Health Psychology* 22(2): 123-129.
- [38] Wahidah, E.Y. (2020): Resiliensi perspektif al Quran. – *Jurnal Islam Nusantara* 2(1): 105-120.
- [39] Wakuma Abaya, S., Mandere, N., Ewald, G. (2009): Floods and health in Gambella region, Ethiopia: a qualitative assessment of the strengths and weaknesses of coping mechanisms. – *Global Health Action* 2(1): 10p.
- [40] Yatim, N. (2021): *Empati Terhadap Mangsa Banjir.* – Sinar Harian Web Portal 15p.
- [41] Zal, W.A. (2018): Ketahanan Komuniti Mangsa Bencana Banjir Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia Dalam Konteks Modal Komuniti [Community Resilience Among Flood Victims In The East Coast Of Peninsular Malaysia In The Context Of Community Capitals]. – *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3(2): 41-53.
- [42] Zubairi, A.A., Badzis, M. (2025): A SITUATIONAL ANALYSIS OF YOUNG CHILDREN'S MENTAL HEALTH AWARENESS IN MALAYSIA: EXPERT PERSPECTIVES. – *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 6(1): 71-80.